

12/05/2003

Awasi kumpulan serpihan: Dr M

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua ahli Umno berjaga-jaga terhadap kegiatan kumpulan serpihan, kebanyakannya dianggotai bekas ahli Umno, yang cuba 'mencederakan' parti itu dari luar.

Presiden Umno berkata, kumpulan terbabit adalah mereka yang kecewa dan marah kerana tidak mendapat tempat sehingga cuba untuk memecahbelahkan perpaduan dalam Umno.

"Kumpulan serpihan ini cuba menarik orang Umno keluar dan ini semua kerana kepentingan peribadi mereka, iaitu mereka lebih mengutamakan kepentingan diri.

"Jika mereka mengutamakan kepentingan bangsa, mereka tidak akan berusaha mengadakan serpihan dalam Umno," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Umno ke-57 di Stadium Merdeka, malam tadi.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya apakah kekuatan dan cabaran yang dihadapi Umno pada masa sekarang.

Dr Mahathir berkata, kekuatan utama Umno ialah perpaduan, yang mana ahli-ahli Umno masih lagi bersatu walaupun unsur-unsur perpecahan sudah bermula.

"Keretakan sudah mula nampak. Walaupun dulu kita retak juga, tapi kita pulih dan sekarang ini kita kembali bersatu padu. Tetapi ada serpihan sedikit yang cuba mencederakan kita," katanya.

Mengenai sejauh mana persiapan ahli Umno dalam menghadapi cabaran besar yang menanti, beliau berkata, persiapan belum lagi mencukupi.

"Kita belum bersedia. Kita masih terlalu leka. Kita tidak fikir kita dalam bahaya... kita fikir kita masih boleh bersuka ria. Kita tidak bekerja kuat, kita tidak belajar, kita tidak berdisiplin...kita berpecah.

"Adakalanya, kita lebih berminat dengan perkara peribadi berbanding kepentingan negara. Contohnya ada ketua bahagian, ahli Majlis Tertinggi (MT) lebih berminat nak menjadi anggota dalam kerajaan, nak jadi calon. Inilah senarionya.

"Perjuangan kita belum selesai dan kita sebenarnya berhadapan dengan bahaya sekarang ini," katanya.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai pemimpin pelapis khususnya Puteri Umno, yang beliau sentuh dalam ucapannya, serta ditanya berapa peratus daripada golongan muda ini sudah mengisi jawatan dalam parti serta kerajaan.

Beliau berkata, golongan muda itu menyertai Umno bukan kerana hendak mengisi jawatan tetapi kerana mahu menjadi ahli dan berjuang dalam parti.

"Jika dia terpilih, dia terpilih. Bukanlah masuk Puteri mesti jadi calon. Kita masuk kerana kita nak menyertai perjuangan Umno," katanya.

Ditanya mengenai pencapaian terbaik Umno sejak ditubuhkan, beliau berkata, dua pencapaian terbaik parti ialah berjaya menangkis Malayan Union yang diusahakan British dan mencapai kemerdekaan.